

05/03/1997

Penampilan sulung juara beregu remaja dunia

JUARA beregu remaja dunia, Chang Chong Ming-Jeremy Gan, akan tampil buat kali pertama sejak menjuarai kejohanan itu November lalu, apabila disenaraikan dalam pertandingan badminton sirkit Satelit Asia di Johor Bahru dari 12 hingga 16 Mac ini.

Ini adalah penampilan sulung mereka dalam sebarang pertandingan antarabangsa mahupun tempatan sejak menjadi pemain pertama negara yang memiliki kejuaraan individu utama dunia di Kejohanan Remaja Dunia di Silkeborg, Denmark.

Mereka adalah antara pemain muda dan senior yang disenaraikan oleh Pengarah Kejurulatihan Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Morten Frost Hansen, untuk menyertai pertandingan yang diwujudkan bagi memberi pendedahan peringkat antarabangsa kepada barisan pelapis.

Kejohanan itu turut memberi peluang kepada pemain-pemain, khususnya dari skuad pelapis, untuk memungut mata bagi memperbaiki kedudukan masing-masing dalam ranking dunia.

"Pasukan kali ini adalah gandingan pemain senior dan remaja yang rata-ratanya kurang berpengalaman di peringkat antarabangsa.

"Walaupun ia diadakan di dalam negara, ia tetap peringkat antarabangsa kerana membabitkan pemain luar," kata Frost.

Menurutnya, dia akan ke Johor Bahru untuk menyaksikan pertandingan di sana sambil menilai sejauh mana tahap permainan pemain negara berbanding peserta dari negara lain.

Bekas ketua jurulatih Denmark itu turut menyenaraikan dua muka lama, iaitu juara kebangsaan, Wong Ewee Mun dan P Kantharoopan, untuk kejohanan itu.

Bagi Ewee Mun, ini adalah penyertaan pertamanya dalam peringkat antarabangsa sesudah lebih setahun tidak bertanding di tahap itu.

Ewee Mun dan Kantharoopan, dua bekas anggota skuad elit negara yang pertama pada 1995 sebelum digugurkan tahun lalu, kembali ke pangkuan skuad kebangsaan minggu ini selepas berjaya dalam ujian pemilihan, akhir bulan lalu.

Senarai pemain:

Perseorangan lelaki: Wong Ewee Mun, P Kantharoopan, Ramesh Nathan, James Chua, Foo Yoon Keang, Yap Yong Jyen, Lee Tsuen Seng, Mahathir Mustafa, Yeoh Kay Bin, Alan Tai, Siew Yian Wai, Sairul Ayob, Chang Chong Ming, Jeremy Gan, Foo Yeow Chyuan, Lee Kien Fah, Mahkhazim Mohamad, Fong Soo Wei, Lee Kim Fai.

Perseorangan wanita: Lee Yin Yin, Ng Mee Fen, Ishawary Boopathy, Lee Winnie, Law Pei-Pei, K Sugita.

Beregu lelaki: Cheah Soon Thoe-Chong Kim Wai, Pang Cheh Chang-Khoo Boo Hock, Chong Ming-Jeremy, Lim Thean Thoe-Khoo Kok Kheng, Yap Wee Meng-Tan Soo Sen, James-Kay Bin, Makhazim-Kien Fah, Yeow Chyuan-Kim Fai.

Beregu wanita: Lim Pek Siah-Chor Hooi Yee, Joanne Quay-Norashikin Amin, Ang Li Peng, Chong Nga Fan, Wong Sze Mei-Norfhara Idayu.

Beregu campuran: Cheh Chang-Pek Siah, Rosman Razak-Joanne, Chew Chun Eng-Norashikin, Lee Chee Leong-Li Peng, Chong Ming-Norfhara.

(END)